

TEKS PERBAHASAN
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2024
N06 TELUK AYER TAWAR

Salam Sejahtera,

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada Teluk Ayer Tawar untuk turut sama dalam sesi perbahasan hari ini.

Dato' Yang di-Pertua,

Menambah baik Semula Ecotourism River Cruise di Pengkalan Machang dan Air Itam.

Sidang dewan yang dimuliakan, Saya ingin menarik perhatian Dewan Undangan Negeri kepada berkenaan dengan Ecotourism River Cruise di Pengkalan Machang dan Air Itam, saya ingin menarik perhatian ahli-ahli Dewan kepada beberapa isu penting yang memerlukan tindakan segera. Pertama, berkenaan ‘Ecotourism River Cruise’ di Pengkalan Machang Sungai Dua dan Air Itam yang kini sudah tidak beroperasi. Untuk mempromosikan semula dan menaik taraf inisiatif ini, Kerajaan Negeri perlu mengambil beberapa langkah proaktif. Antaranya, mengadakan kerjasama dengan pihak swasta dan NGO untuk mendapatkan pembiayaan serta pelaksanaan projek. Selain itu, perlu juga diadakan kempen promosi yang berkesan melalui media sosial dan pelbagai platform lain untuk menarik minat pelancong tempatan dan antarabangsa. Selain itu, menaik taraf kemudahan infrastruktur seperti jeti, bot, dan laluan pejalan kaki juga penting untuk memastikan keselesaan dan keselamatan pelancong.

Dato' Yang di-Pertua,

Memajukan Kampung Tersusun, Teluk Ayer Tawar sebagai Destinasi Pelancongan Utama

Kawasan tumpuan orang ramai adalah di Kampung Tersusun, Teluk Ayer Tawar yang dilihat berpotensi dimajukan sebagai tempat daya tarikan pelancongan. Untuk menjadikan kawasan ini sebagai destinasi pelancongan, Kerajaan Negeri boleh menyediakan beberapa bentuk bantuan dan inisiatif. Pertama, membangunkan infrastruktur asas seperti jalan raya, tandas awam, dan tempat letak kereta. Kedua, memperkenalkan dan mempromosikan aktiviti kebudayaan dan tradisional tempatan yang unik untuk menarik minat pelancong. Ketiga, melibatkan komuniti setempat dalam program-program pelancongan melalui latihan dan kursus bagi meningkatkan kemahiran mereka dalam sektor ini. Keempat, menyediakan insentif kepada pelabur yang berminat untuk membangunkan fasiliti pelancongan seperti restoran, homestay, dan pusat aktiviti.

Dato' Yang Di-pertua,

Meningkatkan Keselamatan Jalan Raya di Teluk Ayer Tawar Berhampiran Sekolah St Mark

Mengenai masalah kemalangan yang sering berlaku di jalan utama Teluk Ayer Tawar berhampiran Sekolah St Mark. Pihak JKR boleh mengambil beberapa langkah untuk mencegah atau mengurangkan risiko kemalangan di kawasan ini. Antaranya, memasang lampu isyarat di kawasan tersebut untuk mengawal aliran trafik dengan lebih baik. Selain itu, papan tanda amaran yang jelas dan berkesan perlu dipasang bagi memberi amaran awal kepada pemandu. Tidak kurang pentingnya, membina lintasan pejalan kaki yang lebih selamat serta bonggol jalan untuk memperlahangkan kenderaan berhampiran kawasan sekolah.

Dengan tindakan-tindakan ini, saya yakin kita dapat meningkatkan sektor pelancongan negeri dan memastikan keselamatan warga di kawasan Teluk Ayer Tawar.

Dato' Yang Di-pertua,

Membanteras Tambakan Tanah Haram dan Melindungi Kelestarian Pertanian di Negeri Pulau Pinang

Baru-baru ini kita menyaksikan peningkatan aktiviti tambakan tanah haram di sawah-sawah padi aktif, yang bertujuan dijadikan tanah-tanah lot. Aktiviti ini bukan sahaja menjadkan pengeluaran padi, tetapi juga mengancam kelestarian pertanian di negeri kita. Oleh itu, Kerajaan Negeri perlu mengambil langkah tegas dan segera untuk membendung masalah ini.

Saya ingin mencadangkan beberapa langkah untuk mengatasi isu ini.

Pertama, penguatkuasaan undang-undang perlu diperketatkan. Pihak berkuasa tempatan dan agensi berkaitan mesti menjalankan pemantauan rapi dan tindakan penguatkuasaan terhadap individu atau pihak yang terlibat dalam aktiviti tambakan haram. Denda yang lebih berat dan tindakan undang-undang yang tegas perlu dikenakan bagi mengelakkan pelanggaran berulang.

Kedua, Kerajaan Negeri perlu memperkuatkannya kerjasama dengan pihak polis dan jabatan tanah untuk mengenal pasti dan membanteras sindiket yang mengusahakan aktiviti ini. Maklumat daripada masyarakat setempat juga amat penting dalam usaha ini.

Ketiga, kesedaran masyarakat tentang kepentingan melindungi tanah pertanian perlu dipertingkatkan. Program kesedaran dan pendidikan mengenai kepentingan sawah padi untuk keselamatan makanan negeri harus dijalankan secara berterusan.

Keempat, kerajaan perlu menawarkan insentif kepada pemilik tanah sawah untuk memastikan mereka terus menjalankan aktiviti pertanian. Ini termasuk bantuan

kewangan, subsidi pertanian, dan teknologi moden untuk meningkatkan hasil pengeluaran.

Dengan tindakan-tindakan ini, saya yakin kita dapat melindungi tanah sawah daripada aktiviti tambakan haram dan memastikan kelestarian pertanian di negeri kita terjamin.

Beberapa perkara yang telah saya kongsikan tadi adalah demi kepentingan rakyat Teluk Ayer Tawar secara khususnya dan negeri Pulau Pinang secara amnya. Akhir kata, saya berdoa semoga Negeri Pulau Pinang dan seluruh rakyat negeri ini terus memperolehi perlindungan dan sentiasa dilimpahi dengan keamanan dan kemakmuran yang berterusan.

Saya akhiri ucapan saya ini dengan ucapan ribuan terima kasih atas peluang yang diberikan oleh rakyat Teluk Ayer Tawar. Terima kasih kepada semua yang turut menyokong dan mempercayai saya. Saya mohon menyokong.

Sekian, terima kasih.

**Logeshwar A/L Krisnin
N06 Teluk Ayer Tawar
Sidang Muda 2024**

SIDANG MUDA

PULAU PINANG